

07 FEB 2003

Mawan-SPDP/I

SPDP BANGKIT DARIPADA POLITIK REMEH DALAM MEMENUHI ASPIRASI RAKYAT

KUCHING, 7 Feb (Bernama) -- Parti Progresif Demokratik Sarawak (SPDP) sedang berusaha bangkit daripada politik remeh dalam memenuhi aspirasi rakyat melalui politik pembangunan, kata presiden SPDP Datuk William Mawan hari ini.

Beliau berkata parti itu yang berpegang kepada prinsip kata sepakat dan rundingan, mempunyai peranan dan tanggungjawab besar dalam mengubah pemikiran orang ramai, khasnya di kawasan luar bandar.

"Tugas pada kita sebagai pemimpin dan anggota SPDP walaupun mencabar tetapi saya percaya kita dapat memenuhi aspirasi ini jika kita terus kekal sebagai sebuah parti yang bersatu padu," kata beliau di pembukaan mesyuarat agung terulung SPDP oleh Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang juga pengerusi BN negeri.

Turut serta dalam mesyuarat agung sekali setiap tiga tahun itu yang dihadiri oleh lebih kurang 2,500 perwakilan, ialah setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat dan para pemimpin parti-parti komponen BN yang lain.

Beliau berkata SPDP mempunyai sokongan kuat masyarakat Dayak, ia pada asasnya sebuah parti berbilang kaum yang terus menghulurkan sokongan kepada kepimpinan dan komitmen Abdul Taib untuk menjadikan Sarawak sebagai sebuah negeri moden dan maju.

Dalam memperkukuhkan hubungan parti di peringkat negeri dan persekutuan, Mawan berkata SPDP perlu meningkatkan penekanan terhadap interaksi antara pemimpin parti dan rakyat.

Beliau berkata, juga terdapat keperluan bagi mereka di peringkat akar umbi untuk turut terbabit dalam proses pembangunan di kawasan bandar dan luar bandar bagi meningkatkan lagi taraf sosio-ekonomi masing-masing.

SPDP perlu menyiapkan diri dan kepimpinannya untuk melangkah ke tahun 2020 dan ia harus mengambil kira dua faktor penting, khasnya demokrasi penyertaan dan daya saing untuk membentuk agenda masa depan.

Anggota parti mesti bersedia untuk melengkapkan dan meningkatkan kemampuan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang betul dalam konteks dunia global dan era IT, subjek-subjek yang berasaskan kepada sains dan teknologi serta kecekapan dalam bahasa Inggeris akan diberi keutamaan, katanya.

Dalam menggulung sejarah SPDP, beliau berkata ia ditubuhkan kerana keperluan untuk mengekalkan perpaduan parti dan memastikan kestabilan politik dalam rangka kerja BN negeri.

Beliau berkata peristiwa malang pembatalan pendaftaran Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP), antara parti tertua di Sarawak pada November lepas ekoran masalah dalaman yang berlarutan selama berbulan-bulan menjadi berita mengejut bagi kebanyakan pemimpin SNAP.

"Berdasarkan kepada perubahan dalam latarbelakang dan didorong oleh keazaman bekas pemimpin-pemimpin SNAP yang berniat baik untuk mencari platform alternatif dalam BN menyebabkan kemunculan SPDP," katanya.

Beliau menyatakan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pemimpin-pemimpin BN lain kerana memberikan bekas pemimpin SNAP peluang untuk memulihkan parti melalui SPDP.

Bekas anggota SNAP juga diberi pilihan untuk "bersandar sementara" bersama mana-mana parti BN yang lain sementara menunggu pendaftaran SPDP.

-- BERNAMA

CJ PR